



Headline: Kes 'Macau Scam' di Johor meningkat dua kali ganda Language: Malay

Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)

Section: Nasional

Date: 14 January 2019

Page: 16

## Kes 'Macau Scam' di Johor meningkat dua kali ganda

**TANGKAK:** Kegiatan 'Macau Scam' di Johor mengakibatkan kerugian berjumlah RM24.28 juta tahun lepas, meningkat dua kali ganda berbanding 2017 yang merekodkan kerugian sekitar RM12.07 juta.

Ketua Polis Johor, Datuk Mohd Khalil Kader Mohd berkata 515 kes Macau Scam dicatatkan tahun lepas berbanding 416 kes pada tahun sebelumnya iaitu peningkatan sebanyak 99 kes.

Beliau berkata tahap kesedaran masyarakat mengenai jenayah penipuan melibatkan kewangan seperti Macau Scam dilihat masih rendah berikutan terdapat peningkatan kes dengan jumlah kerugian keseluruhan mencecah puluhan

juta ringgit.

"Seperti dalam sesi Town Hall yang dianjurkan Polis Johor ini, topik Macau Scam dilihat masih menjadi antara isu utama. Meskipun hebahan telah dibuat oleh polis termasuk paparan di surat khabar dan televisyen, namun kita dapati maklumat ini, ada yang tidak sampai kepada segelintir masyarakat.

"Mangsa yang diperdaya bukan hanya membabitkan golongan berpendidikan rendah, malah meliputi kumpulan berpendidikan tinggi," katanya kepada pemberita selepas menghadiri program Town Hall Discussion Polis Diraja Malaysia (PDRM) Johor peringkat Ibu Pejabat Polis

Daerah (IPD) Tangkak dan IPD Muar di Bukit Gambir di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Ketua Polis Johor, Datuk Kamarudin Md Din; Ketua Polis Daerah Muar, ACE Zaharudin Rasip dan Ketua Polis Daerah Tangkak, Sup Mohad Idris Samsuri.

Mohd Khalil berkata, berdasarkan laporan yang diterima, rata-rata mangsa masih keliru dan takut apabila menerima panggilan telefon daripada individu yang menyamar sebagai pegawai dari agensi kerajaan atau PDRM walhal sebarang maklumat mengenai bayaran atau samar tidak dilakukan dengan cara berkenaan. — Bernama